

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 NOVEMBER 2022

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

## Kadar inflasi masih rendah

PEMBERIAN SUBSIDI UNTUK RAKYAT

# Kadar inflasi masih rendah

Oleh Sri Ayu Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur


Inflasi yang berlaku di Malaysia pada masa ini adalah sesuatu yang sukar dielakkan kerana kenaikan harga barang adalah disebabkan fenomena di peringkat global.

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kenaikan harga barang dan inflasi di Malaysia dan negara lain termasuk kenaikan harga minyak, peperangan antara Ukraine dan Rusia selain berlaku pertambahan permintaan selepas pembukaan ekonomi selepas pandemik Covid-19.

Ketua Ahli Ekonomi Buruh merangkap Penasihat Menteri Kementerian Sumber Manusia dan Emeritensi Emiriah Arab Bersatu Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari berkata, kadar inflasi dalam negara masih rendah susulan tindakan kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang memberikan subsidi untuk kelesaan rakyat di negara ini.

"Ekonomi dunia menunjukkan unjuran pertumbuhan bertumbuh pada kadar 2.9 peratus pada tahun ini berbanding unjuran awal 5.7 peratus dan situasi ini tidak jauh berbeza pada 2023 dan 2024 di mana unjuran ekonomi dunia hanya pada kadar 3.0 peratus setahun," katanya.

Menurutnya, sebuah negara kecil yang terbuka dan berdagang, kelembapan ekonomi dunia akan memperlahankan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang akan menarik ke bawah proses pemilihan ekonomi secara menyeluruh termasuk pemuliharaan kos sara hidup.



TERDAPAT beberapa faktor yang menyumbang kepada kenaikan harga barang dan inflasi di Malaysia dan negara lain termasuk kenaikan harga minyak, peperangan antara Ukraine dan Rusia selain berlaku pertambahan permintaan selepas pembukaan ekonomi selepas pandemik Covid-19. - Gambar NSTP/FAHIL ASRU

"Kalau kita melihat kepada trend inflasi semasa, walaupun secara purata nasionalnya masih terkawal berbanding dengan tahun lalu.

"Tetapi, tanda awal tekanan inflasi itu sudah ada dalam pasaran dan mengikut jabatan perangkaan yang mana inflasi untuk hal ehwal makanan melepasi 4.0 peratus, kalau kita lihat keseluruhan inflasi itu berada pada paras sekitar 3.0 peratus dan 4.0 peratus itu melebihi purata keseluruhan.

"Kalau kita lihat trend sebelum ini juga memang harga makanan atau inflasi makanan meningkat dengan lebih tinggi berbanding dengan purata nasional," ka-

tanya. Sebelum ini, Ismail Sabri bertindak mewujudkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, pasukan khas yang berperanan mengumpulkan semua maklumat daripada kementerian, agensi dan orang ramai bagi merangka strategi serta menyelaraskan tindakan, khususnya untuk mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan.

Ini susulan terdapat laporan setengah peniaga yang menaikkan harga serta menjual barangan melebihi harga siling yang ditetapkan kerajaan.

Penubuhan pasukan itu juga adalah langkah proaktif kerajaan dalam menangani



“**Ekonomi dunia menunjukkan unjuran pertumbuhan bertumbuh pada kadar 2.9 peratus pada tahun ini berbanding unjuran awal 5.7 peratus dan situasi ini tidak jauh berbeza pada 2023 dan 2024 di mana unjuran ekonomi dunia hanya pada kadar 3.0 peratus setahun”**

Dr Mohd Yusof Saari

kos sara hidup rakyat. Pensyarah Perniagaan Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak), Prof Emeritus Dr Barjoi Bardai turut mengukir kadar inflasi di Ma-



“**Di Malaysia, sebenarnya inflasi kita agak terkawal berbanding negara lain kerana kadar inflasi kita berada dalam lingkungan lebih kurang empat peratus, malah kadar inflasi di Malaysia dianggap sebagai inflasi 'berhijab'”**

Dr Barjoi Bardai

laysia masih terkawal. Beliau berpendapat negara tidak akan mengalami kesan inflasi seperti di Eropah dan Amerika Syarikat (AS), namun perlu terus berjaga-jaga.

"Di Malaysia, sebenarnya inflasi kita agak terkawal

berbanding negara lain kerana kadar inflasi kita berada dalam lingkungan lebih kurang empat peratus, malah kadar inflasi di Malaysia dianggap sebagai inflasi 'berhijab'.

"Maksud inflasi 'berhijab' ini kerana ia dilindungi disebabkan kita mempunyai subsidi yang diberikan kerajaan seperti subsidi petrol, beras, gula, tepung, minyak masak, telur, ayam dan semua ini jumlahnya hampir RM70 bilion bagi tahun ini saja, berkemungkinan melebihi RM80 bilion.

"Jadi, kenapa ia dilihat 'berhijab', ini disebabkan kerajaan memberi subsidi maka harganya terkawal, malah masih rendah berbanding dengan negara lain.

"Usaha (subsidi) ini juga diiktiraf di seluruh dunia sebagai satu usaha untuk mengawal inflasi yang baik kerana tahun ini sebenarnya kita dipilih sebagai negara paling tinggi kadar kenaikan gaji sebenar walaupun hanya 2.5 peratus, tetapi kenaikan itu adalah tertinggi di dunia.

"Oleh itu, kenapa ia berlaku (kenaikan kadar gaji sebenar) kerana 'hijab', inflasi dapat dikawal di Malaysia dan di negara lain kadar kenaikannya adalah rendah dan ada yang negatif kerana kadar inflasi yang tinggi dan tidak dikawal," katanya.



INFLASI yang berlaku di Malaysia pada masa ini adalah sesuatu yang sukar dielakkan kerana kenaikan harga barang adalah disebabkan fenomena di peringkat global.